saya perchaya tentu-lah orang boleh mengatakan, kalau hendak di-katakan sett'ers pun tidak—kerana dalam kawasan di-mana juga orang Me'ayu tinggal, kawasan-nya memang berseh, ada peratoran semua-nya. Jadi tidak nampak, mengapa dan bagaimana Kerajaan kita tidak boleh memberi sa-barang akuan atau pun tit'e kapada tanah<sup>2</sup> yang telah di-miliki oleh orang<sup>2</sup> itu, untok dia mengadakan bangunan yang boleh sama sa-tanding dengan bangunan yang di-punyai oleh orang<sup>2</sup> yang bukan Me'ayu. Saya rasa ini ada-lah satu perasaan yang memi'ukan kita, yang menyedehkan kita, bagi pehak orang Me'ayu sendiri.

Bila kita masok di-Kua'a Lumpur, kita tengok bangunan<sup>2</sup> penchakar langit, tetapi bila kita bandingkan, kita sampai ka-kawasan orang Me'ayu, tertinggal macham itu sahaja. Jadi dalam perengkat ini-lah saya minta kapada pehak Menteri Tanah dan Galian, to'ong berusaha untok berjumpa dengan orang<sup>2</sup> atau lembaga yang ada di-Kampong Baharu, tolong selesaikan masaa'ah ini, mereka itu juga ada hati, ada keinginan mereka itu hendak membuat bangunan yang elok dan sa-teraf dengan orang lain. Kerana tanah mereka itu tidak mempunyai sa-barang akuan atau pun tit'e, tinggal-lah mereka hidup sa-bagaimana orang yang menumpang dalam tanah ayer-nya sendiri. Itu dalam perkara Kampong Baharu.

Kemudian, apabila sampai kapada perkara rumah<sup>2</sup> pangsa atau pun rumah<sup>2</sup> penchakar langit, ia-itu kita tahu-lah kita harus mengga'akkan pehak lembaga tanah atau sa-bagai-nya apabila kita hendak membenarkan mereka membuat rumah itu, patut-lah juga saya rasa di-sharatkan, mesti-lah ada kawasan untok di-adakan tempat permainan bagi anak<sup>2</sup> di-kawasan itu. Kita tahu-lah dengan rumah sampai lima enam be'as tingkat tinggi-nya itu, dan kadang<sup>2</sup> tempat untok anak<sup>2</sup> itu bermain, ta' ada. Saya pernah pergi di-Singapura pada tahun yang lepas. Saya pergi di-satu kawasan ia-itu Queen's Town—tinggi bangunan-nya. Terpaka' pula bana-nya itu anabi'ia ia hendak pergi kerja, mengunchi ibu dan anak<sup>2</sup> di-dalam rumah, kerana

takut boleh menjadi kemalangan dan berbagai<sup>2</sup>-nya. Jadi ka<sup>2</sup>au-lah tuan yang berusaha membuat rumah yang begitu tinggi, yang begitu chantek, mengadakan di-tengah<sup>2</sup> bangunan itu satu kawasan lapang untuk permainan anak<sup>2</sup> itu—jadi ta' ada-lah anak<sup>2</sup> itu jatuh daripada tingkat yang begitu tinggi atau keluar bermain di-jalan<sup>2</sup> raya.

Dan perkara yang penghabisan-nya, ini ada-lah berbangkit di-dalam kawasan<sup>2</sup> bandar yang kecil<sup>2</sup>, ia-itu orang<sup>2</sup> hendak membuat rumah. Tanah<sup>2</sup> mereka itu memang ada menghala ka-tepi<sup>2</sup> jalan. Selalu di-sharakan, bila dia hendak membena rumah dia terpaksa menyerahkan tanah-nya itu kepada pehak Kerajaan untuk di-jadikan road reserve. Bila hendak serahkan tanah-nya itu, bayaran menyukat atau survey fee di-kenakan pula kepada tuan rumah yang terpaksa menyerahkan tanah-nya itu. Sekarang harga tanah di-dalam bandar memang mahal. Dia terpaksa menyerahkan kepada Kerajaan dan terpaksa pula membayar survey fee. Tetapi tanah<sup>2</sup> yang berjiran dengan dia, yang memang sudah ada rumah, ta' pula orang itu kena menyerahkan tanah itu. Ini ada-lah perkara yang pelek dan ganjil beriak dalam tanah ayer kita. Jadi saya rasa kalau-lah tidak ada sub-section yang kecil<sup>2</sup> itu, patut-lah ka<sup>2</sup>au dapat pehak Kementerian, memberi pendapat<sup>2</sup> yang baik bagi kita hendak menyelesaikan masalah yang telah saya kemukakan. Sekian sahaja, terima kaseh.

**Dato' Y. T. Lee:** Mr President, Sir, the Government is to be congratulated for producing this bulky legislation. I also associate myself with some Honourable Members who have spoken before me. I do not propose at this juncture to go into details of this Bill, but there is one chapter which I would like to single out for honourable mention, and that is paragraph 151, Chapter 4, under the heading of Sub-division of buildings. Under this clause, an owner is able to sub-divide multi-storey buildings into separate subsidiary titles. This is indeed a boon for flat dwellers, because hitherto

these purchasers were not able to have a title. They were only able to draw up an agreement with the owners, and this agreement is only for a period of 30 years. You can see, Mr President, Sir, that this is not very satisfactory at all. By the introduction of this legislation, flat dwellers will be encouraged to become owners of flats and this idea fits into the Government's policy of a home owning democracy. Thank you, Sir.

**Nik Hassan bin Haji Nik Yahya:** Dato' Yang di-Pertua, saya hendak berchakap mengenai satu perkara yang boleh jadi perkara ini ia-lah perkara dasar mengenai Undang<sup>2</sup> Tanah, yang mana tidak boleh di-buat dan di-masokkan di-da<sup>2</sup>lam undang<sup>2</sup> yang ada ini. Tetapi dengan kerana perkara ini ia-lah satu perkara yang ada kait-mengait-nya dengan tanah dan Undang<sup>2</sup> Tanah, jadi saya rasa perlu saya menarek pandangan Kerajaan, bagi memberikan satu pandangan istimewa kepada perkara ini—ia-itu perkara Malay Reserve atau pun Tanah Simpanan bagi orang<sup>2</sup> Melayu. Saya rasa waktu undang<sup>2</sup> ini di-susun, sudah tentu ada perhatian<sup>2</sup> kepada kedudukan tanah<sup>2</sup> dalam Reserve Melayu ini. Tetapi dengan kerana Kerajaan Persekutuan tidak mempunyai kuasa da<sup>2</sup>lam perkara ini, maka dengan sebab itu perkara tanah yang ada dalam simpanan orang Melayu ini tidak-lah menjadi masalah bagi undang<sup>2</sup> ini. Bagi saya di-Kelantan, saya suka menerangkan ia-itu boleh di-katakan seluroh tanah yang ada di-dalam negeri Kelantan itu ada-lah tanah bagi simpanan Melayu—ia-itu Malay Reserve. Jadi tanah dalam Malay Reserve ini ada-lah satu kawasan yang sangat-lah baik yang ka<sup>2</sup>au sa-kira-nya tidak ada undang<sup>2</sup> Malay Reserve ini, saya perchaya barangkali, terutama-nya di-bandar<sup>2</sup> da<sup>2</sup>lam negeri Ke<sup>2</sup>lantan ini, barangkali tidak ada orang Melayu dapat ter-nampak lagi sa-bagaimana bandar Kua<sup>2</sup>a Lumpur ini.

Jadi, ma<sup>2</sup>ana-nya dengan ada-nya Undang<sup>2</sup> Malay Reservation itu ada-lah mengawal tentang kedudukan orang<sup>2</sup> Melayu memegang tanah<sup>2</sup> itu

di-dalam negeri itu. Semenjak beberapa lama kawasan ini di-tetapkan sa-bagai Malay Reserve. Saya fikir hendak-lah Kerajaan Persekutuan ini menolong, kerana kita tidak dapat hendak maju—orang<sup>2</sup> Melayu tidak dapat hendak memajukan tanah<sup>2</sup> di-dalam Malay Reserve ini, dengan chara sama sa-teraf dengan tanah yang di-luar daripada Malay Reserve. Jadi, saya harap perhatian daripada Kerajaan Pusat hendak-lah di-beri dengan sa-penohnya kapada kawasan<sup>2</sup> tanah dalam Malay Reserve ini.

Umpama-nya, kalau dalam negeri Kelantan, kalau kira-nya Kerajaan Pusat ini tidak menolong, atau pun memberi perhatian yang penoh dan berat sa-kali kapada tanah<sup>2</sup> di-dalam kawasan Malay Reserve ini, saya rasa kehidupan, atau pun hak milek rumah di-dalam tanah<sup>2</sup> Malay Reserve ini akan menjadi susah, akan menjadi pechah di-satu masa nanti, kerana desakan masa, desakan perubahan 'alam dan sa-bagai-nya. Jadi, kalau sa-kira-nya dapat, saya fikir elok-lah Kerajaan Pusat ini mengadakan satu corporation umpama-nya, atau pun memberi modal kapada Majlis<sup>2</sup> Bandaran, umpama-nya dengan wang ringgit bagi memajukan tanah<sup>2</sup> yang ada di-dalam Malay Reserve ini. Kalau sa-kira-nya kita tidak dapat mengadakan satu corporation yang boleh memajukan khas sa-bagaimana kita baharu sahaja tadi meluluskan satu undang<sup>2</sup> bagi memberi kuasa kapada Kerajaan Pusat ini boleh mendirikan rumah<sup>2</sup> di-dalam bandar Kuala Lumpur ini, ia-itu sa-bagaimana kita memberi kuasa kapada Kerajaan menggunakan kuasa untuk memajukan, membangunkan rumah dan sa-bagai-nya yang baharu tadi kita luluskan.

Saya rasa tidak ada galangan, tidak ada sebab yang boleh menghalang Kerajaan Pusat ini mengadakan satu undang<sup>2</sup> khas, khas untuk memajukan kawasan tanah Malay Reserve yang ada di-negeri Kelantan itu, sebab negeri Kelantan ini seluroh tanah yang ada di-situ semua di-dalam kawasan Malay Reserve, dan dengan kerana itu tidak dapat di-majukan dan harga tanah itu tidak sa-timbal dengan harga tanah

yang di-luar Malay Reserve. Bagi kami, ahli<sup>2</sup> perniagaan yang chuba hendak mendirikan rumah, rumah gudang dan sa-bagai-nya, atau pun hendak mendirikan flat, atau sa-bagai-nya memandang perkara ini perlu sangat, sebab kira-nya tanah di-dalam Malay Reserve ini hendak di-chagarkan kapada finance company, atau pun kapada Bank, atau pun kapada badan<sup>2</sup>—biasa-nya badan<sup>2</sup> ini tidak mahu memegang chagaran itu yang di-asaskan kapada Malay Reserve. Ini satu perkara yang terpaksa pada masa ini bagi kita ra'ayat Kelantan, bagi orang<sup>2</sup> Kelantan, mesti memikirkan perkara itu, mesti mendapat pertolongan daripada Kerajaan Pusat.

Kita hendak mendapatkan pertolongan daripada Kerajaan, Kerajaan Negeri pun boleh di-katakan sudah bengkerap. Sekarang ini, boleh kata ta' ada wang langsung, hendak bayar gaji pun susah, terpaksa menuntut kapada Tun Abdul Razak. Jadi, dengan kerana itu, saya terpaksa-lah meminta kapada Kerajaan Pusat menolong kita. Kalau sudah hendak bayar gaji ta' boleh, macham mana hendak tolong bumiputera, hendak tolong Melayu; hendak tolong diri sendiri pun ta' dapat—sudah jambatan itu siap, pinjam duit bank berjuta<sup>2</sup>, terpaksa membayar interest pula—itu pun padan, padan-lah dengan interest-nya; bunga bank pun chukup sudah bagi mematikan Kerajaan Negeri Kelantan. Jadi, di-sini saya nampak satu jalan, ia-itu Kerajaan Pusat mesti-lah mengadakan wang yang chukup untuk menubuhkan satu corporation khas bagi menolong memajukan tanah<sup>2</sup> yang ada di-negeri Kelantan itu, sebab umpama-nya dalam bandar Kota Bharu, satu kawasan bandar yang sedang maju, tanah<sup>2</sup> banyak lagi yang boleh di-dirikan rumah<sup>2</sup> gudang dan sa-bagai-nya. Tanah<sup>2</sup> itu di-punya'i oleh bumiputera, tetapi bumiputera tidak dapat hendak mendapatkan modal yang chukup untuk menaikkan rumah<sup>2</sup>.

Jadi, ini perkara, saya rasa perlu untuk menjaga dasar Kerajaan, kerana dasar Kerajaan tidak mahu memecahkan Malay Reserve. Kalau kita tidak

mahu memecahkan Malay Reserve, kita mesti memajukan Malay Reserve. Ini dua dasar. Sekarang kita tetapkan dengan Perlembagaan kita yang Malay Reserve tidak boleh di-pechahkan, tetapi jalan yang kedua kita mesti chari, jalan keluar yang mesti di-majukan, sebab kira-nya tidak di-majukan, apabila alam berubah, satu hari mesti berpechah Malay Reserve ini. Jadi, ini-lah saya berpendapat kalau kita mahu menyelamatkan tanah<sup>2</sup> dalam Malay Reserve ini, tidak kira Malay Reserve di-Kelantan, Malay Reserve di-Perak, Malay Reserve di-Kedah di-mana<sup>2</sup> ta' kira—asalkan kawasan Malay Reserve, hendak-lah di-adakan satu corporation yang boleh memajukan kawasan<sup>2</sup> ini. Tuan<sup>2</sup> tanah boleh chagarkan tanah dia kepada corporation untuk mendirikan rumah. Corporation ini boleh mendirikan rumah di-atas tanah<sup>2</sup> itu, dan bayaran beransor daripada kutipan wang sewa dan sa-bagai-nya hasil daripada pendapatan rumah itu. Jadi, dengan chara ini, dengan chara mengeluarkan wang menerusi satu corporation yang boleh memajukan kawasan ini, saya rasa ini sahaja jalan keluar bagi menyelamatkan kawasan Malay Reserve. Ka'au sa-kira-nya kita tidak selamatkan perkara ini, kita akan menemui satu jalan buntu di-satu sa'at, di-satu masa nanti, yang mesti kita bergaduh lagi berkenaan dengan Malay Reserve ini. Sa-belum sampai masa kita bergaduh itu, baik-lah daripada sekarang, Kerajaan meletakkan perhatian yang berat bagi memajukan daripada sekarang supaya tidak sampai masa-nya untuk bergaduh dalam perkara Malay Reserve ini sahaja, sebab perkara Malay Reserve ini ada kait-mengait-nya pula dengan perkara<sup>2</sup> perkauman dan sa-bagai-nya kalau tidak di-jaga dari sekarang.

Jadi, ini-lah saya rasa nanti di-bawa perkara ini ka-tengah, boleh jadi dengan satu chara yang lain pula, jadi saya rasa daripada sekarang, patut-lah kita mengambil perhatian yang berat, terutama-nya kepada Negeri yang tanah-nya semua sa-kali da'am kawasan Ma'ay Reserve, Bandar Kota Bharu itu boleh di-katakan semua tanah da'am kawasan Malay Reserve . . . .

**Mr President:** Jangan berulang chakapan itu, saya minta jangan di-ulangkan chakapan itu.

**Nik Hassan bin Haji Nik Yahya:** Ya, terima kaseh. Jadi, itu-lah saya mengulangi ini hendak menguatkan suara itu supaya Menteri itu achap kali dengar, macham kalau kita jual barang FAB, FAB ini selalu ingat FAB—ta' ingat ka-lain. Jadi, saya hendak ingatkan kepada Menteri itu yang Malay Reserve ini patut di-majukan, patut di-majukan, patut di-majukan, achap kali sedikit ta' apa. Itu-lah sahaja, sekian, terima kaseh.

**Wan Sulaiman bin Wan Tam:** Dato' Yang di-Pertua, dalam undang<sup>2</sup> ini, saya dapati tiada sebutan fasal tanah<sup>2</sup> wakaf dari segi ugama Islam. Di-Alor Star, ada sa-keping tanah da'am kawasan bandar yang telah pun ada layout-nya di-perbuat oleh peranchang bandaran dan di-pechah jadi tiga puluh lapan lot untuk membena rumah<sup>2</sup> kedai batu. Maka tanah yang tersebut itu telah di-wakafkan menurut undang<sup>2</sup> ugama Islam o'eh sa-orang yang telah mati, kepada 7 orang anak-nya. Dalam surat wakaf itu, ada-lah di-sharatkan tanah itu di-mileki oleh anak yang tujuh orang itu. Jika mereka ketujuh<sup>2</sup> orang itu mati tanah itu terpu'ang kepada chuchu-nya, kemudian kepada chichit-nya dan terus kepada keturunan-nya. Jika sa-kira putus keturunan-nya, tanah itu terpu'ang kepada fakir miskin daripada orang<sup>2</sup> Islam da'am negeri Kedah. Tanah ini da'am kawasan bandaran dan Majlis Bandaran ia kena-lah di-developkan dengan di-bena rumah<sup>2</sup> kedai di-atas-nya betul<sup>2</sup> menurut plan<sup>2</sup> yang di-uluskan oleh Kerajaan, dengan di-hebah sa-bahagian daripada tanah itu kepada Kerajaan untuk perbuat jalan bagi kemudahan orang ramai. Oleh sebab di-sharatkan da'am surat wasiat itu sa-bahagian daripada tanah itu boleh di-hebahkan kepada sa-siapa jua pun, maka kehendak membena rumah<sup>2</sup> kedai di-atas tanah itu tiada dapat di-perbuatkan pada segi ugama. Jadi tanah itu di-tinggal bagitu sahaja dengan tiada memberi keuntongan yang sa-patut-nya kepada waris<sup>2</sup> yang

tersebut dalam surat wasiat itu. Dato' Yang di-Pertua, saya minta penjelasan di-mana-kah pendirian-nya tanah yang kedudukan-nya seperti ini pada segi undang<sup>2</sup> ini. Terima kasih.

**Tuan Haji Mohd. Said:** Dato' Yang di-Pertua, berkenaan dengan tanah Malay Reservation ini saya sudah perhatikan di-serata<sup>2</sup> negeri, Kerajaan ada mengambil tanah Malay Reservation, tetapi saya berharap segala tanah<sup>2</sup> Malay Reservation yang di-requisition oleh Kerajaan mesti-lah di-ganti dengan tanah Malay Reservation itu lagi supaya tidak, makin sa-hari sa-makin kurang tanah itu daripada Malay Reservation. Terima kasih.

**Wan Mustapha bin Haji Ali:** Dato' Yang di-Pertua, saya amat-lah dukac-hita apabila melihat Rang Undang<sup>2</sup> yang di-bentang pada hari ini, kerana pada hari ini sahaja-lah saya dapat melihat Rang Undang<sup>2</sup> ini. Sungguh pun saya di-lantek oleh Kerajaan Kelantan pada 1hb Julai, sa-patut-nya Rang Undang<sup>2</sup> ini mesti-lah di-hantar kepada saya sa-minggu dua dahulu. Jikalau-lah kita hendak kaji Rang Undang<sup>2</sup> ini betul<sup>2</sup>, jikalau-lah kita kaseh kepada tanah ayer, mengambil sa-kurang<sup>2</sup>-nya sa-minggu hendak membacha-nya. Tetapi di-bahath sekarang di-minta approve, di-benar dengan sendiri-nya.

Umpama-nya berkenaan dengan che-raian 20 di-dalam Rang Undang<sup>2</sup> ini yang berkata dengan bahasa Inggeris—"Where any land or interest therein is offered for sale in pursuant of any provision of this Act, none of the following persons shall acquire or attempt to acquire it for himself directly or indirectly" ma'ana-nya State Commissioner, Registrar, Chief Surveyor, Collector, District Officer, Ketua Jajahan, semua ini tiada boleh membeli dan tiada boleh menangkap lelong. Tetapi saya hendak bertanya kepada Menteri yang berkenaan apalah guna di-sebut di-sini, mereka ini tiada boleh membeli tanah ini apabila waktu di-jual dan kalau di-jual di-beli-nya juga apa-kah akan jadi-nya? Apa-kah kebangkitan-nya? Ada-kah jikalau di-beli-nya dengan nama

isteri-nya dan membuat nama-nya, umpama-nya, Chief Surveyor atau Pegawai Jajahan tahu baik<sup>2</sup> tanah ini akan di-jual dan ia suroh warith-nya, mithal-nya bapa penakan-nya, membeli tanah itu dan waktu itu tidak di-ketahui rahasia-nya. Dua tahun kemudian mendapat tahu rahasia-nya apa-kah jadi akibat-nya? Ada-kah tanah yang di-beli itu menjadi haram—tidak di-sebut di-sini.

Itu satu perkara yang menyebabkan saya kata Undang<sup>2</sup> ini tidak boleh di-luluskan dengan satu dua hari sahaja. Dan berhubung dengan che-raian 130, Bahagian Lapan di-dalam Rang Undang<sup>2</sup> ini berkenaan dengan tanah yang di-rampas—*forfeiture*, Di-sini "As soon as may be after the making of an order under Section 100 or 129 . . . . . the State Authority for non-payment of rent" . . . ma'ana-nya kalau-lah ra'ayat itu tidak membayar hasil dan tanah itu menjadi hak Kerajaan, kerana tidak mengikut syarat hendak membayar hasil dan di-sini chuma di-beri tahu kepada ra'ayat dengan *Gazette*, tetapi ra'ayat di-kampung tidak tahu hendak membacha *Gazette*. Sa-patut-nya kenyataan ini mesti-lah di-tampal di-masjid, disurau, di-madrasah, di-market dan lain<sup>2</sup>. Kalau di-masokkan dalam *Gazette* kadang<sup>2</sup> orang di-bandar sendiri pun tidak pernah membacha *Gazette* melainkan Ahli Yang Berhormat daripada Parlimen sahaja mendapat free, dengan perchuma *Gazette*<sup>2</sup> ini. Banyak perkara di-sini yang patut di-fikir dan di-kaji dengan halus.

Berkenaan dengan Malay Reservation, bagaimana Ahli Yang Berhormat Senator Nik Hassan daripada Kelantan juga, telah menegaskan bahawa tanah di-Kelantan boleh di-katakan semua di-bawah Malay Reservation. Sa-tahu saya, sebab saya menjadi Penolong Ketua Jajahan dahulu, ada dalam 20 dan 30 section sahaja yang keluar daripada Malay Reservation ia-itu Temangan dan di-bandar Kota Bharu sendiri, dan mengikut Yang Berhormat itu, oleh sebab tanah ini di-bawah Malay Reservation, orang Melayu tidak mampu hendak memajukan

tanah<sup>2</sup> ini, hendak mendapat wang daripada bank—tidak di-beri sebab tanah Malay Reservation tidak boleh di-jual, tidak boleh di-gadai. Jadi, kata Ahli Yang Berhormat itu, terpaksa-lah meminta pertolongan daripada Kerajaan Pusat dan Kerajaan Pusat maseh memandang berat di-atas perkara ini.

Konon-nya, Kerajaan Kelantan sudah hendak bankrupt sekarang. Perkataan 'bankrupt' itu bukan-lah kata di-Kelantan sahaja tidak chukup duit—di-Trengganu dan lain<sup>2</sup> tempat dan Kerajaan Persekutuan pun berhutang duit juga. Tetapi saya berchakap sa-bagai ahli yang di-lantek oleh Dewan Negeri Kelantan. Saya kata ra'ayat Kelantan tidak berkehendak pertolongan bersabit dengan hendak memajukan tanah, hendak meminta wang daripada Kerajaan Persekutuan. Sebab jikalau-lah Senator Nik Hassan berkata tanah ini di-bawah Malay Reservation, tidak boleh di-chagar, banyak sungguh—di-bawah Malay Reservation, tanah ini boleh di-jual juga. ....

**Nik Hassan bin Haji Nik Yahya:** Tuan, saya hendak mengesahkan tuan tadi kata ra'ayat Kelantan tidak berkehendak kepada bantuan daripada Pusat. .... (*Di-sampok*).

**Wan Mustapha bin Haji Wan Ali:** Saya hendak bertanya, Tuan Yang di-Pertua, di-bawah .....

**Nik Hassan:** Hendak mengesahkan itu .....

**Wan Mustapha:** Saya harap saya tidak—di-dalam bahasa Inggeris-nya di-interrupt. Di-bawah Standing Order mana Yang Berhormat bertanya kepada saya?

**Mr President:** Explanation—tidak payah di-jawab. (*Ketawa*).

**Wan Mustapha:** Jadi bukan-lah berma'ana kalau tanah itu di-bawah Malay Reservation, tuan tanah itu tidak boleh pinjam duit atau wang daripada bank dan di-Kelantan ada banyak bank bagi orang<sup>2</sup> Melayu jikalau orang itu hendak membuka tanah itu.

**Nik Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, di-pegang melainkan dengan kebenaran

EXCO. Jadi sekarang, mengikut undang<sup>2</sup>, barangkali tuan pernah jadi A.D.O. jadi D.O. tahu Undang<sup>2</sup> itu.

**Wan Mustapha:** Itu-lah sebab-nya, Dato' Yang di-Pertua, apabila Yang Berhormat itu berchakap ia tidak sebut sa-macham itu, ia menyampok sa-mata<sup>2</sup> hendak mengelirukan. Um-pama-nya orang<sup>2</sup> di-Kelantan jikalau tidak ada pertolongan—orang di-Kelantan ini lemah—dan sa-tahu saya ada juga sa-tengah ra'ayat<sup>2</sup> Kelantan tidak mahu berhutang, dan mahu buat sendiri. Apa-lah guna-nya, kita sudah merdeka! Jikalau-lah kita sendiri tidak boleh merdeka membuka tanah dan, perchaya rakan<sup>2</sup> kita daripada bangsa<sup>2</sup> asing, daripada bangsa China, tidak suka kita orang<sup>2</sup> Melayu tidak mahu mengaku lemah dan jikalau hendak membuka tanah, meminta pertolongan Kerajaan, barangkali hendak berbini pun hendak meminta pertolongan Kerajaan, hendak beranak pun hendak meminta pertolongan daripada Kerajaan! Itu perkara, satu perkara yang resmi di-sini, bangsa asing dalam Malaysia ini akan memikirkan orang Melayu ini ia-lah orang yang tidak boleh berdiri sendiri. Di-dalam Rang Undang<sup>2</sup> ini ada-lah di-sebutkan waktu siasat—'inquiry'—di-buat di-dalam Pejabat Jajahan. Kebanyakan Undang<sup>2</sup>, bahkan di-Kelantan, dan Undang<sup>2</sup> Tanah di-Kelantan sendiri pun, yang mushkil kepada kami, oleh sebab tidak tegas dalam Undang<sup>2</sup> di-sini pada masa ini.

Saya hendak bertanya dan saya berharap kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dan di-sini pun ada di-sebutkan juga berkenaan dengan peguam-nya boleh hadir pada waktu bichara atau enquiry itu, sebab pada suatu masa dahulu dan baharu<sup>2</sup> ini juga jika ra'ayat itu hendak bawa case tanah itu mereka tidak berapa pandai dan tidak bijak dan dia berkehendakkan kepada pertolongan peguam, dan apabila dia pergi kepada peguam, peguam itu sedia membela hak dia, tetapi apabila sampai di-Pejabat Tanah, Ketua Jajahan, oleh sebab di-dalam undang<sup>2</sup> ini ada di-sebut *at his discretion* yang jikalau-lah Ketua Jajahan atau Penolong-nya itu berkata

loyar tidak boleh membela perkara ini, jadi terpaksa-lah loyar itu balek dengan tidak membela apa<sup>2</sup>, dan terpaksa-lah ra'ayat itu membela diri-nya sendiri, dan oleh sebab ra'ayat itu bukan-lah bijak sangat dalam pengetahuan undang<sup>2</sup>, kadang<sup>2</sup> case itu kalah. Ada juga Ketua Jajahan berkata yang dia tidak membenarkan loyar membela orang ini kerana dia takut rugi duit ra'ayat, tetapi kalau-lah tidak di-bela tanah itu ra'ayat rugi, barangkali harga tanah itu sampai \$5,000. Kadang<sup>2</sup> peguam itu bukan-lah menchari wang sahaja, dan kalau-lah dapat tahu perkara itu patut di-bela, kadang<sup>2</sup> dengan perchuma pun boleh kita bela. Jadi, dalam Rang Undang<sup>2</sup> ini ada tersebut advocate and solicitor, saya tidak dapat hendak menchatit hal itu kerana saya chuma pada sa'at ini baharu berjumpa, tetapi saya harap kepada Yang Berhormat Menteri supaya di-dalam undang<sup>2</sup> ini, *discretion* Pegawai Tanah itu tidak-lah boleh memberi daleh kepada peguam jika dia hendak membela di-atas kehendak dia sendiri. Ma'ana-nya saya harap peguam dapat membela jika tuan tanah itu suka di-bela sa-bagai hak—as of right.

Saya tidak dapat berchakap panjang oleh sebab, bagaimana saya katakan tadi, Tuan Yang di-Pertua, saya chuma baharu hadir pagi ini sahaja. Terima kaseh.

**Tuan Syed Ahmad bin Syed Mahmud Shahabudin:** Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab telah banyak berbangkit berhubung dengan Tanah Reserve Melayu, saya suka-lah menarek perhatian atau bertanya kepada Kementerian yang berkenaan, di-atas ada satu perkara atau bab dalam Perlembagaan yang mengatakan sabahagian Tanah Reserve Melayu yang telah di-keluarkan daripada Reserve Melayu kena-lah di-ganti dengan tanah yang lain menjadi Reserve Melayu sa-banyak itu juga. Saya faham pada masa yang telah lepas dan juga sekarang, juga masa akan datang, banyak tanah<sup>2</sup> Reserve Melayu terutama dalam negeri<sup>2</sup>, umpama Kedah atau pun Kelantan, dan negeri<sup>2</sup> lain<sup>2</sup> tanah Reserve Melayu telah di-keluar-

kan untok kegunaan Kerajaan atau kegunaan satu<sup>2</sup> pehak atau di-excise daripada Reserve Melayu, ada-kah Kementerian yang berkenaan boleh memberi jawapan atau penjelasan ia-itu tanah<sup>2</sup> itu telah di-ganti atau Tanah<sup>2</sup> Reserve Melayu yang telah di-keluarkan itu di-gantikan pula dengan tanah yang lain sa-banyak itu juga.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, yang saya suka menarek perhatian ia-lah berkenaan dengan dasar menggunakan tanah apa yang saya faham, ada satu dasar yang di-tetapkan oleh Kerajaan, tetapi bagi pehak Kerajaan Negeri, saya rasa tidak dapat mengikuti dengan tepat-nya bagaimana dasar yang sa-benar patut di-ikuti ia-itu berhubung dengan dasar menggunakan tanah bagi melombong atau tanah agriculture dan sa-bagai-nya. Ada tanah<sup>2</sup> hutan yang ada galian, saya faham dasar keutamaan di-beri kepada galian, tetapi yang berlaku sa-kira-nya ada permintaan<sup>2</sup> untok hendak jadikan tanah galian, kita telah dapat halangan<sup>2</sup> daripada pejabat<sup>2</sup> yang lain, umpamanya Pejabat Hutan dan sa-bagai-nya menahankan daripada menjadikan tanah itu tanah lombong.

**The Minister of Lands and Mines (Enche' Abdul-Rahman bin Ya'kub):** Tuan Yang di-Pertua, pertama sa-kali saya menguchapkan jutaan terima kaseh kepada Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat yang telah memberi pandangan<sup>2</sup> yang berharga kepada Rang Undang<sup>2</sup> ini. Saya tidak sangka bahawa di-Dewan Negara terlebih banyak lagi hujah<sup>2</sup> di-timbulkan terhadap Rang Undang<sup>2</sup> ini. Bagaimana pun, saperti yang saya katakan tadi, saya menguchapkan jutaan terima kaseh, dan saya chuba dengan sa-berapa boleh memberi jawab-nya. Banyak daripada tegoran<sup>2</sup> itu adalah mengenai perkara pentadbiran tiap<sup>2</sup> hari (administration) bukan kena-mengena dengan perinsip Rang Undang<sup>2</sup> ini. Nampak-nya atas perinsip Bill ini, kechuali sa-orang Ahli Yang Berhormat daripada Kelantan tadi, Senator Wan Mustapha, semua kita bersetuju bahawa ini ada-lah satu Rang Undang<sup>2</sup> yang telah lama di-tunggu<sup>2</sup> oleh ra'ayat.

Tuan Yang di-Pertua, supaya tidak membuang masa lagi, biar-lah saya memberi jawapan kepada beberapa perkara yang telah di-timbulkan. Yang Berhormat Senator Dato' Foo See Moi bertanya, siapa-kah yang punya bumbong di-atas sa-kali dalam sa-buah flat. Jawab-nya tidak ada sa-orang yang punya, tetapi kepunyaan semua. Ini harta kongsi. Semua yang berada dalam flat itu boleh pakai. Ini kita boleh nampak di-dalam bahagian tertentu dalam Rang Undang<sup>2</sup> ini, terutama sa-kali Fasal 157. Jadi, mereka yang duduk dalam flat itu mempunyai common property terhadap roof ini. Tidak ada sa-orang pun yang ada berkuasa berkata orang lain tidak boleh ka-sana, kerana kalau kita berbuat begitu, akan mendatangkan beberapa masalah, harus mendatangkan perkara yang tidak baik di-antara penduduk<sup>2</sup> dalam flat itu.

Untuk menjawab Yang Berhormat Senator Tuan Ubaidulla tadi mengenai soalan rent 3 peratus, itu ada-lah di-kenakan kepada town land sahaja. Standard rate atas tanah<sup>2</sup> agriculture ia-lah \$6.00 satu ekar sa-tahun.

Berhubung dengan masalah Malay Reservation, perkara ini sedikit sa-kali di-nyatakan dalam Perlembagaan kita. Fasal 89 ada kaitan sedikit, tetapi untuk menjawab masalah yang ada, sama ada tanah itu patut di-gunakan Malay Reservation itu untuk satu rancangan ada-lah terpulang pentadbiran-nya kepada Kerajaan Negeri. Kerajaan Persekutuan, mengikut Perlembagaan, tidak boleh membuat undang<sup>2</sup> mengenai tanah, kechuali dalam perkara yang di-benarkan oleh Perlembagaan, ya'ani di-dalam Fasal 76 untuk menyamakan semua undang<sup>2</sup>.

Dalam masalah yang telah di-timbulkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi negeri Kelantan, patut ada satu undang<sup>2</sup> di-buat supaya membenarkan tanah<sup>2</sup> itu di-kembangkan, kita tidak mempunyai kuasa, tetapi walau pun tidak di-buat undang<sup>2</sup> Malay Reservation, tidak-lah bererti tanah itu tidak boleh di-perkembangkan. Jika Kerajaan Negeri bersetuju supaya tanah itu boleh di-majukan, boleh di-tanam dengan itu dan boleh di-tanam dengan

ini. Itu soalan administration, tidak perlu kepada undang<sup>2</sup> untuk menetapkan Malay Reservation buat di-tanam getah, Malay Reservation buat di-tanam kelapa sawit, Malay Reservation buat di-tanam bunga raya, tidak ada di-kehendaki bagitu.

Berkenaan dengan masalah yang telah di-kemukakan oleh Yang Berhormat Senator Athi Nahappan tadi ia-itu qualified title, itu-lah sebab-nya kita chuba hendak adakan qualified title supaya apa yang telah berlaku pada masa itu ya'ani lambat title itu di-keluarkan, kita sekarang ini tahu apa yang telah di-buat itu tidak menyenangkan hati ra'ayat. Hal sa-macam ini tidak baik. Oleh sebab yang demikian, kita chuba melichinkan pentadbiran. Jadi itu-lah dia konsep qualified title supaya orang yang mempunyai tanah itu boleh dapat title-nya dengan sa-berapa chepat yang mungkin, sa-telah qualified title di-keluarkan di-beri kepada title itu.

Tetapi di-sini saya suka menegaskan kelichinan pentadbiran berkenaan dengan Undang<sup>2</sup> ini bukan dalam tangan saya. Kalau saya hendak jawab, katakan betul-lah, ada dahulu yang bersalah, ada yang tidak bersalah. Kalau saya beri jaminan di-sini bahawa saya sendiri akan tengok supaya tiada satu perkara pun yang akan lambat, maka harus Ketua Menteri atau Menteri Besar marah pada saya, di-kata—apa awak ini! Nama sahaja Menteri Tanah, Menteri Galian dan sa-terus-nya saperti kata Ahli Yang Berhormat Senator Bibi Aishah tadi, saya tidak ada kuasa—ini pentadbiran Negeri. Jadi terpulang-lah kepada Kerajaan Negeri melihatkan bahawa pentadbiran dalam soal tanah ini memberi *qualified title*, *subsidiary* dan lain<sup>2</sup>, di-buat dengan sa-chepat mungkin.

Tetapi saya boleh-lah katakan di-sini apa yang dapat di-tanggung-jawab oleh Kerajaan Pusat ya'ani di-bawah Kementerian saya, saya akan chuba dengan sa-berapa yang boleh-nya mencheamatkan lagi pentadbiran ini.

Satu masalah yang di-kemukakan oleh beliau berkenaan dengan ta'arif perkataan di-dalam Fasal 151 (1), erti

kata "superficial area on the ground of at least five thousand square feet . . . .". Sa-betul-nya kalau saya buat diagram dan tunjukkan pada Ahli Yang Berhormat itu, senang sedikit, boleh nampak oleh dia. Jadi maksud dia ini tadi, jikalau tanah itu kecil sangat, kata-lah lima ribu kaki persegi kalau-lah satu ribu, dia hendak buat flat di-sana, atas satu ribu kaki persegi, itu tidak kita benarkan. Dia punya *surface area—ground surface area—* hendak-lah mengikut seperti yang tersebut di-sana, sa-kurang<sup>2</sup>-nya. Ini-lah maksud dia tadi, baharu dapat di-benar bangunan flat dan flat itu boleh di-bahagi kepada *subsidiary title*. Nanti saya rasa, kalau Ahli Yang Berhormat itu ada ragu<sup>2</sup> lagi, saya boleh bagi-lah diagram kepada Ahli Yang Berhormat itu.

Berhubung dengan Fasal 136 (f), peguam ini, Tuan Yang di-Pertua, selalu hendak mengeliru<sup>2</sup>kan saya. Saya sudah-lah lama, tidak tengok buku Undang<sup>2</sup> saya. Dia kata kenapa satu ekar? Fasal 136 (f) jadi "area of any sub-divisional portion (i) in the case of land subject to the category agriculture, or to any condition requiring its use for an agricultural purpose, will not be less than one acre . . . .". Kenapa 1 ekar, kenapa tidak 5 ekar? Ya, betul-lah, tetapi *category* agriculture ini bukan getah, bukan kelapa sawit sahaja, tanam bunga pun termasuk juga. Kalau banyak lebeh dari ekonomik size itu, jadi itu-lah kita tarohkan satu ekar—kerana kita rasa memadai, tetapi saya bersetuju kalau untuk seperti tanaman getah, itu patut-lah ekar-nya lebeh lagi—ini kita hendak-lah memberi tahu mereka yang memohon supaya tanah di-pechah<sup>2</sup>kan. Kalau di-pechah kecil<sup>2</sup> sangat, tidak ada-lah hasil yang boleh di-dapati oleh orang<sup>2</sup> yang memohonkan itu.

Jadi di-sini berbangkit-lah kepada masaalah yang telah di-hujah<sup>2</sup>, yang telah di-timbulkan oleh Ahli Yang Berhormat Dato' Haji Noah tadi. Masaalah ini betul<sup>2</sup> merunsingkan Kerajaan, Tuan Yang di-Pertua—harta pesaka tanah ini. Saya sendiri pun ada pengalaman sedikit dalam perkara ini

pada masa saya menjadi Probate Officer di-Sarawak. Di-Sarawak, 1 ekar tanah ada 20 orang waris. Dia hendak minta pechah tanah itu, masing<sup>2</sup> hendakkan tanah, tidak mahukan wang. Untuk menjawab-nya, perkara ini adalah termasuk di-bawah undang<sup>2</sup> yang bergelar "Small Estates Distribution Ordinance"—tidak termasuk di-bawah "National Land Code" ini. Di-bawah Undang<sup>2</sup> ini, Collector itu biasa-nya boleh memujuk waris<sup>2</sup> itu supaya membenarkan salah sa-orang daripada waris itu menjadi trustee memegang tanah itu sa-bagai trustee kepada mereka<sup>2</sup> yang lain dan mereka yang lain mempunyai hak atas tanah itu dengan share. Jadi share itu boleh di-registerkan, tidak ada halangan-nya di-bawah Undang<sup>2</sup> ini. 1/5 bahagian atau pun yang lain atau pun 1/500 atau 1/1000 share—itu boleh kita registerkan. Tetapi kalau hendak di-bahagikan tanah satu kaki persegi itu kepada waris 20 orang, tidak-lah boleh kita benarkan menurut Undang<sup>2</sup> Land Code ini. Bagaimana pun tidak-lah saya katakan di-sini bahawa Rang Undang<sup>2</sup> ini telah menyelesaikan soalan itu. Saya mengaku bahawa di-sini, di-masa yang akan datang harus tidak lama, kita terpaksa kembali ka-Dewan ini untuk mengemukakan pindaan<sup>2</sup> kepada beberapa masaalah yang harus timbul untuk melichinkan lagi Undang<sup>2</sup> Tanah kita.

Masaalah Kampong Bahru, Tuan Yang di-Pertua, saya sunggoh-lah berdukachita dalam perkara ini. Perkara ini bukan-lah dalam tangan saya. Jadi hendak saya jawab nanti, saya ta' tahu sa-benar-nya perkara ini berlaku. Kalau saya jawab Kerajaan itu betul, salah, andai kata apa yang di-kata oleh Yang Berhormat itu tadi betul<sup>2</sup> kalau Kerajaan Negeri Dato' Harun marah pada saya, tidak boleh-lah hendak saya jawab dengan tepat dalam perkara ini.

Sa-bagaimana yang telah saya katakan tadi, kuasa saya betul<sup>2</sup> sedikit sahaja di-dalam Clause 3 atau pun Clause 4. Clause ini ia-lah fasal mengishtiharkan tarikh Rang Undang<sup>2</sup> ini berjalan kuat-kuasa-nya di-Neeri<sup>2</sup> sa-telah keputusan di-beri oleh Majlis

National Land Council. Masaalah supaya flat<sup>2</sup> itu di-adakan dan juga tempat<sup>2</sup> kanak<sup>2</sup> bermain, itu elok, saya bersetuju dengan pendapat itu, tetapi ini boleh di-jalankan dengan tidak payah ada sekarang ketetapan di-buat dalam Rang Undang<sup>2</sup> ini. Ia-nya boleh di-buat oleh Kerajaan Tempatan, Town Planning dan lain<sup>2</sup>. Ini terpulang-lah kepada kebijaksanaan pentadbiran Parti yang memerintah pada masa itu; kalau parti kita terus memerintah, kita boleh jalankan.

Yang lain, mengenai pentadbiran, tidak akan saya bangkitkan di-sini, Tuan Yang di-Pertua, kerana kalau saya jawab, nanti jawab itu salah dan Kerajaan Negeri marah kepada saya. Saya chuma hendak jawabkan perkara yang akhir yang di-bangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kelantan tadi. Dia kata dia dukachita sunggoh kerana Bill ini baharu di-terima-nya dua hari ini, sa-patut-nya di-hantar kepada-nya lama sudah. Dia baharu mengangkat sumpah hari ini tadi, baharu jadi Senator (*Ketawa*).

Sa-lain daripada itu pula, Tuan Yang di-Pertua, ini menunjokkan bahawa pentadbiran Parti PAS itu sangat<sup>2</sup>-lah mundur di-belakang seperti zaman kuno dahulu. Rang Undang<sup>2</sup> ini telah kita sibarkan, telah kita beri kepada Kerajaan Negeri Kelantan itu berapa lama sudah, dan pula Kerajaan Negeri Kelantan itu telah bersetuju dengan Rang Undang<sup>2</sup> ini, ta' kan-lah Ahli Yang Berhormat itu tidak di-bawa berunding dalam perkara ini, kalau tidak, kasehan-lah saya pada dia (*Ketawa*).

Clause 20, Tuan Yang di-Pertua, yang telah di-bangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, berkata: *When any land or interest therein, is offered for sale in pursuance of any provision of this Act, none of the following persons shall acquire or tend to acquire it, for example, directly or indirectly—the State Commissioner, Registrar and Chief Surveyor of the State in which the land or interest is situated, etc., etc.* Dia kata kenapa? Apa akibat-nya kalau mereka itu beli? Kalau mereka itu beli, akibat-nya pembelian itu ta' sah, (*Ketawa*). Saya hairan sa-orang

peguam boleh menta'arifkan perkara ini salah. *"Where any land or interest therein is offered for sale in pursuance of any provision of this Act, none of the following persons shall acquire" that is mandatory!* Ta' boleh beli, bila dia beli, ta' laku, ta' pakai. Bagaimana kalau isteri dia beli? Ta' ada di-larang di-sini, isteri boleh, jangan kita hendak sekat, apa suami yang ta' boleh buat, isteri pun ta' boleh buat. Penyakit-lah nanti, bercherai dia orang berdua itu.

Baik, kalau tiga tahun lepas itu di-dapati bahawa sa-benar-nya si-suami yang membeli, jikalau ada kenyataan sa-benar-nya jika suami yang membeli, kalau perkara itu kena di-bawah fasal 20 rugi-lah wang dia sahaja.

Dia pula membangkitkan masaalah Clause 130, Tuan Yang di-Pertua, dia kata apa ini notis di-dalam *Gazette* sahaja. Taroh-lah dekat surau, taroh dekat masjid, saya tahu-lah, Tuan Yang di-Pertua, ada orang yang tidak pergi masjid, tetapi kita lihat dalam Fasal 97 di-sini, apa yang di-katakan sa-belum *for future*, notice hendak kena hantar, bagi kepada orang yang empunya tanah itu. *Just as is done by serving notice on the proprietor of the land itself.* Chuma pengishtiharan di-dalam *Gazette* ini ia-lah sa-telah orang yang mempunyai tanah itu tidak dapat lagi membayar, tidak lagi mengikuti notis yang di-beri, maka kata pehak yang berkuasa, tanah itu daripada hari ini terpulang kepada Kerajaan, itu tidak-lah menyusahkan ra'ayat semua, chuma yang mendapat susah orang yang punya tanah, tetapi orang yang mempunyai tanah telah di-beritahu mengikut notice *Form 6A* di-dalam Schedule itu, jadi saya jemput-lah Ahli Yang Berhormat itu, baca-lah Clause ini lagi.

Soalan inquiry, dia kata loyar<sup>2</sup> patut di-benarkan membela, bukan chuma hendak menchari wang sahaja, hendak menolong<sup>2</sup> ra'ayat. Betul-lah juga, saya sunggoh sukachita mendengar kalau-lah saya di-belakang hari kelak, ada kena hal sadikit, ta' ada wang hendak bayar loyar, saya tahu-lah ka-mana satu loyar yang saya hendak pergi, loyar yang ta' ada minta bayaran itu.

Jadi sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju-lah dengan pendapat-nya itu, elok, dan kepada dia saya memberi perhatian ini, saya ucapkan tahniah dalam perkara ini, patut-lah peguam<sup>2</sup> itu di-benar mem-bela nasib ra'ayat dalam perkara ini. Perkara ini akan saya kaji lagi sama ada Undang<sup>2</sup> itu bersetuju dengan faham Ahli Yang Berhormat itu, sa-bagaimana yang telah saya katakan tadi Kerajaan Kelantan, Parti PAS, bersetuju 100% dengan Rang Undang<sup>2</sup> ini.

Satu perkara kecil yang di-bangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi tentang soal Malay Reservation: ia-itu kalau tanah itu di-ambil oleh Kerajaan patut-lah di-ganti dengan Tanah Malay Reservation dan yang lain. Ahli Yang Berhormat daripada Kedah, Tuan Syed Ahmad berkata; Ini ada di-dalam Perlembagaan, saya chuba hendak bacha sedikit tentang-nya itu tadi Fasal 89 tidak ada lagi, perkara ini senang, mudah bagi administration dan policy berada dalam tangan Kerajaan Negeri. Kalau satu kawasan Malay Reservation itu di-ambil oleh Kerajaan Negeri untuk satu maksud yang lain, kemudian Malay Reservation itu telah di-hapuskan, tidak ada siapa yang hendak melarang supaya Kerajaan Negeri itu boleh mengkhususkan kawasan yang lain untuk Malay Reservation lagi. Itu boleh di-buat oleh mereka kalau di-fikirkan oleh Kerajaan Negeri itu patut di-buat demikian. Jadi tidak-lah menyentoh kepada perinsip<sup>2</sup> National Land Code Bill ini. Demikian-lah sahaja, Tuan Yang di-Pertua. (*Tepok*).

**Mr President:** Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat sekarang saya kemukakan bagi di-bahathkan.

**Dato' Wan Ibrahim bin Wan Tanjong:** Ada saya membawa pandangan supaya saya menarek perhatian Kerajaan berhubung dengan menyelamatkan tanah<sup>2</sup> orang<sup>2</sup> Melayu di-kawasan bandar, supaya tanah itu kekal menjadi milek kepunyaan orang Melayu. Ia-itu dengan jalan supaya Kerajaan mengadakan satu peratoran tidak membenarkan tanah itu di-jual

kapada bangsa<sup>2</sup> lain. Saya harap ambil perhatian.

**Enche' Abdul-Rahman bin Ya'kub:** Tuan Yang di-Pertua, ini ia-lah chuma satu chara sahaja yang boleh mengekalkan tanah itu dalam tangan orang Melayu, supaya tanah itu tetap di-buat Malay Reservation. Kuasa menetapkan itu ada-lah di-dalam tangan Kerajaan Negeri, bukan di-dalam tangan Kerajaan Pusat.

Question put, and agreed to.

Bill accordingly read a second time and committed to a Committee of the whole House.

House immediately resolved itself into a Committee on the Bill.

Bill considered in Committee.

(Mr President *in the Chair*)

*Clauses 1 to 447* inclusive ordered to stand part of the Bill.

*First Schedule* ordered to stand part of the Bill.

*Second Schedule* ordered to stand part of the Bill.

*Third Schedule* ordered to stand part of the Bill.

*Fourth Schedule* ordered to stand part of the Bill.

*Fifth Schedule* ordered to stand part of the Bill.

*Sixth Schedule* ordered to stand part of the Bill.

*Seventh Schedule* ordered to stand part of the Bill.

*Eighth Schedule* ordered to stand part of the Bill.

*Ninth Schedule* ordered to stand part of the Bill.

*Tenth Schedule* ordered to stand part of the Bill.

*Eleventh Schedule* ordered to stand part of the Bill.

*Twelfth Schedule* ordered to stand part of the Bill.

*Thirteenth Schedule* ordered to stand part of the Bill.

*Preamble* ordered to stand part of the Bill.

Bill reported without amendment: read the third time and passed.

## THE TRADE UNIONS BILL

### Second Reading

**Dato' T. H. Tan:** Mr President, Sir, I beg to move that a Bill intituled "an Act to make further provision with respect to the Law relating to Trade Unions" be read a second time.

**The Minister of Labour (Enche' V. Manickavasagam):** Mr President, Sir, the main purpose of this Bill is to further consolidate the law relating to trade unions. Broadly speaking, the amendments fall into two parts. One part is concerned with the organisation of trade unions, and the other part seeks to rectify an omission in the existing law.

With regard to the first part, that is Clauses 2, 3 and 4, I would draw the attention of Honourable Members that, under the existing law, any seven persons may form a trade union. This has often been interpreted literally with the result that a number of small and ineffective trade unions have been formed, either as new unions or by dissenting groups within an existing trade union. The amendments proposed in Clauses 2 and 3 of the Bill empower the Registrar to refuse to register, or cancel the registration of any trade unions, where he is satisfied that there is in existence in the particular trade, or occupation, or industry an established trade union.

Clause 4 of the Bill provides for an appeal to the Minister where any person is aggrieved by the decision of the Registrar.

Coming to Clause 5 of the Bill, Sir, Honourable Members would be aware that federations of trade unions are required to register under the Ordinance. Some trade unions, however, might wish to form and, indeed, have formed loose-knit organisations, such as consultative or similar bodies, which would be outside the Trade Unions Ordinance. It is felt that such bodies which are in effect quasi-federations, should also, like trade unions or federations of trade unions, have the approval of the Registrar of Trade

Unions. Clause 5 of the Bill makes the necessary provision in this regard.

Clause 6 of the Bill is designed to ensure that only citizens, who are residents in the States of Malaya, hold office in trade unions in the States of Malaya. It is also designed to ensure that officers or employees of trade unions do not hold office in more than one trade union at any one time. The Trade Union Ordinance at present only provides that the Secretary of a trade union may not be employed by or hold office in any other trade union. Clause 6 seeks generally to extend this provision to employees of trade unions. This clause will serve to ensure that the management of trade unions in the States of Malaya is vested in the hands of persons, who have their roots in the particular unions and in the country.

Clause 7 of the Bill, Sir, seeks to rectify an omission in Section 27 of the Trade Unions Ordinance which is, in fact, a re-enactment of Section 25 of the Trade Unions Enactment of 1940. In drafting that new Section, however, the power of His Majesty the Yang di-Pertuan Agong to stipulate conditions under which public officers should be deemed to be workmen under the Ordinance for the purpose of trade union organisations was inadvertently omitted. The proposed Clause 7 is designed to rectify this omission.

Sir, when this Bill was considered in the Lower House, some Honourable Members there criticized it as encroaching upon the freedom of association of workmen and employers. I would like to stress, Sir, that the Government has the strongest desire to respect this freedom. But in doing so, we cannot, as some Honourable Members of the lower House suggested, concede to absolute freedom which, knowingly or not, become an excuse or a cloak for activities which are prejudicial to the real and long-term interest of the workers themselves and the country at large.

The Government stands strongly by its affirmed policy of encouraging the

growth of a free, strong, and responsible trade union movement in this country. In this connection, I might mention that copies of this Bill were transmitted to both the Malayan Council of Employers' Organisation and the Malaysian Trade Union Congress, both of which have signified their general agreement with the provisions of the Bill.

Question put, and agreed to.

Bill accordingly read a second time and committed to a Committee of the whole House.

House immediately resolved itself into a Committee on the Bill.

Bill considered in Committee.

(Mr President *in the Chair*)

Clause 1 ordered to stand part of the Bill.

Clauses 2—7.

**Enche' Athi Nahappan:** Sir, Clause 2, says, "the Registrar shall refuse." That gives the Registrar two discretionary powers; namely, he must be satisfied that there is in existence a trade union; conjunctively, it is not in the interest of the workmen in the trade industry. Since he is given two discretionary powers, as a result of which he may, or may not exercise the powers. Therefore, Sir, I think the word "may" would have been preferable. The Registrar "may" refuse on any one of these grounds. If he "shall" refuse, if he is satisfied on any one of these grounds, I think the wording is not very appropriate; but if it is understood that the "shall" here may be understood as "may", then I will not quarrel with it. There are times when "may" is considered as "shall"; I suppose in this case, we have to treat "shall" as "may".

**Enche' V. Manickavasagam:** Sir, the explanation given here is one of additional grounds upon which the Registrar may refuse to register. I think that is the understanding; and if he is satisfied that it is not in the interest of the workmen to have another, well then he does not register.

Clauses 2 to 7 inclusive ordered to stand part of the Bill.

Bill reported without amendment: read the third time and passed.

## THE INDUSTRIAL COURTS (AMENDMENT) BILL

### Second Reading

